

## **TEKS UCAPAN**

**Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM**  
**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**Majlis menandatangani MoU UTeM – PERKESO**

**10 Januari 2020, 8.30 pagi**

- a. **Yang Berbahagia Dato' Sri Mohammad Azman bin Dato' Aziz Mohammad**  
Ketua Eksekutif PERKESO
- b. **Yang Berusaha Dr. Hafez bin Hussain**  
Pengarah Eksekutif Pusat Rehabilitasi PERKESO
- c. **Yang Berbahagia Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTeM
- d. **Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Abu bin Abdullah**  
Pengarah AMC, UTeM
- e. Pihak Pengurusan UTeM, PERKESO, Hadirin dan Hadirat sekalian.

1. Pertama sekali, bagi pihak pengurusan Universiti Teknikal Malaysia Melaka, kami mengucapkan terima kasih kepada pihak PERKESO kerana telah menjadi rakan kerjasama strategik UTeM dalam penyelidikan dan pembangunan produk inovasi sejak dari tahun 2016 lagi.
2. Di antara kolaborasi projek penyelidikan dan pembangunan produk berkaitan program rehabilitasi adalah seperti:
  - a. Ergonomics studies;
  - b. Development of assistive devices for rehabilitation program;
  - c. Development of 3D printed prosthetics socket, yang dibangunkan menerusi geran Knowledge Transfer Program (KPT) bernilai RM42,000 dan geran MySI MESTEC yang bernilai RM150,000; dan banyak lagi.

3. Hasil daripada projek ini bukan sahaja memberi manfaat kepada orang ramai, khususnya yang menerima rawatan di Pusat Rehabilitasi PERKESO, malah ianya juga berpotensi tinggi untuk dikomersilkan di peringkat nasional mahupun antarabangsa.
4. Selain daripada itu, kolaborasi strategik ini juga menjadi platform terbaik kepada para penyelidik UTeM dalam memperhebatkan lagi pengetahuan dan kemahiran teknikal mereka, sakaligus menyumbang terhadap kualiti keberkesanan program rehabilitasi yang dijalankan di Pusat Rehabilitasi PERKESO.

5. Adalah menjadi hasrat utama kami, agar kewujudan UTeM sebagai sebuah pusat kecemerlangan ilmu yang terpenting di negara dan negeri ini dapat dirasai dan dimanfaatkan secara bersama oleh masyarakat setempat, untuk kehidupan yang lebih baik dan sejahtera.
6. Insya Allah, menerusi MoU ini, segala usaha murni yang kita laksanakan secara bersama ini, dapat melengkapi dan memperkuatkan lagi ekosistem akademia – industri dan komuniti di negara ini.
7. Akhir kata, diharapkan kerjasama UTeM dan PERKESO akan berterusan, sehingga ke peringkat MoA, dan aktif menerusi pelaksanaan pelbagai program kolaborasi strategik yang dapat memberi kebaikan kepada kita.

Di atas para tersusun lilin,  
Malam disuluh bulan purnama,  
MoU dimeterai, kerjasama terjalin,  
Menghasil solusi, manfaat bersama.

Sekian, terima kasih.